

CelcomDigi Notis Privasi bagi Pelanggan

CelcomDigi mengumpul, mengguna, memproses, dan menyimpan data peribadi anda selaras dengan undang-undang yang terpakai, termasuk Akta Perlindungan Data Peribadi Malaysia 2010 (PDPA).

CelcomDigi berhak untuk mengemaskini notis privasi ini dari semasa ke semasa. Sebarang kemaskini akan disiarkan di laman web kami.

Anda boleh mendapatkan versi infografik notis privasi kami. Klik [sini](#).

1. Jenis Data Peribadi

Kami mengumpul dan memproses data peribadi anda selama tempoh Perkhidmatan kami tertakluk kepada undang-undang, termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- (a) **Maklumat berkaitan akaun** anda, seperti nama, alamat, nombor telefon, tarikh lahir, jantina, alamat e-mel, nombor kad pengenalan, maklumat bil, transaksi pembayaran, sejarah pembelian, maklumat kad kredit atau debit, akaun bank, dan maklumat kewangan yang lain. Apabila anda melanggan sebagai entiti perniagaan, kami juga akan mengumpul maklumat syarikat anda. Kami juga mungkin mengumpul maklumat wakil perniagaan dan/atau penjaga anda.
- (b) **Maklumat berkaitan lokasi** anda, seperti lokasi GPS yang dijana daripada lokasi menara atau sel, penghala Wi-Fi, perkhidmatan Bluetooth atau pusat akses lain, dan maklumat yang diperoleh daripada alamat IP, poskod, dan bandar anda.
- (c) **Maklumat berkaitan peranti** anda, seperti nombor peranti (IMEI), model peranti dan sistem pengendalian, dan nombor kad SIM (IMSI atau ICCID).
- (d) **Prestasi rangkaian dan maklumat penggunaan** anda, seperti prestasi ketersambungan rangkaian dan internet (termasuk kelajuan, aliran trafik dan kapasiti), rekod dan penggunaan SMS, panggilan dan perayauan, dan penggunaan dan baki internet.
- (e) **Pelayaran web dan maklumat aplikasi** anda, seperti laman web yang anda lawati atau aplikasi mudah alih yang anda gunakan, aktiviti pelayaran, dan atribut yang dikumpulkan menggunakan kuki, suar web dan teknologi lain (sila rujuk 'Notis Kuki' kami).
- (f) **Maklumat lain** anda, seperti acara, pertandingan, atau penyertaan kajian, gambar dan video yang dirakam oleh kami atau diserahkan kepada kami, rekod hubungan anda melalui pelbagai saluran kami (termasuk sembang langsung, e-mel atau panggilan yang dibuat kepada pusat khidmat pelanggan), dan rakaman CCTV di cawangan kedai kami.
- (g) **Data peribadi sensitif** anda, seperti cap jari, hanya apabila anda secara sukarela memberikan kami maklumat ini atau di mana ia diperlukan atau dibenarkan oleh undang-undang.

2. Sumber Data Peribadi

Kami mengumpul data peribadi secara langsung daripada anda atau melalui maklumat yang dikumpul sepanjang hubungan kami. Ini termasuk data yang anda berikan semasa menggunakan atau melanggan perkhidmatan kami. Kami juga mengumpul data peribadi anda daripada sumber lain, seperti direktori perniagaan, agensi pencegahan penipuan, agensi pelaporan kredit, institusi kewangan, penyedia rangkaian yang berkaitan, rakan kongsi perniagaan lain sama ada sebelum memulakan perkhidmatan anda atau apabila anda berinteraksi dengan kami di platform media sosial, apabila anda adalah pelanggan perniagaan yang kami perolehi, dan/atau tempat anda telah memberikan kebenaran kepada syarikat lain untuk berkongsi maklumat tentang anda.

3. Tujuan Pemprosesan Data Peribadi

Kami memproses data peribadi anda bagi tujuan berikut:

- (a) **Memberikan perkhidmatan kami:** Ini termasuk untuk memproses pendaftaran dan transaksi anda, mengurus akaun anda, menghubungkan anda dengan rakan kongsi kami, memasang peralatan di premis anda dan menghantar pembelian anda, memproses bayaran anda, mengeluarkan bil, dan mengutip hutang, menyediakan khidmat pelanggan, dan sebarang komunikasi.
- (b) **Memperibadikan perkhidmatan kami:** Ini termasuk bagi tujuan pemasaran dan pengiklanan dalam talian. Anda boleh mengawal tetapan kuki di laman web kami atau pihak ketiga dengan merujuk kepada '**Notis Kuki**' kami untuk mendapatkan maklumat lanjut.
- (c) **Melindungi perkhidmatan kami:** Ini termasuk bagi tujuan saringan, seperti menjalankan pemeriksaan kredit semasa permohonan anda, serta tujuan pencegahan penipuan dan keselamatan, seperti mengesahkan identiti anda, mengesan dan menghentikan aktiviti penipuan menggunakan rangkaian kami.
- (d) **Penyelidikan, analisis, dan laporan:** Ini termasuk bagi tujuan penyelidikan dan analysis, seperti menjalankan kaji selidik pasaran, serta tujuan laporan, seperti membuat statistik agregat mengenai jualan kami.
- (e) **Pembangunan perkhidmatan baru:** Ini termasuk bagi tujuan pembangunan perkhidmatan, seperti meneroka dan membangunkan produk dan perkhidmatan baru yang menarik secara sendiri atau dengan rakan kongsi perniagaan kami.

Pemprosesan data peribadi mungkin wajib atau tidak, berdasarkan tujuan yang dimaksudkan. Jika anda gagal memberikan data di mana ia wajib atau enggan menerima syarat notis ini, kami tidak dapat menyediakan perkhidmatan atau sebarang bentuk penglibatan dengan anda akan dihadkan

4. Pemindahan Data Peribadi

Apabila kami perlu memindahkan data peribadi anda ke negara di luar Malaysia, kami akan mengambil langkah yang sesuai untuk melindungi data peribadi anda, seperti menandatangani perjanjian undang-undang dan menjalankan semakan keselamatan data.

5. Penzahiran Data Peribadi

Disebabkan perkhidmatan kami, kami mungkin mendedahkan data anda kepada pihak ketiga seperti afiliasi, rakan perayauan, pengedar dan ejen jualan, pembekal perkhidmatan, rakan kongsi kewangan, rakan kongsi pemasaran, rakan kolaborasi, penyelidik, penasihat profesional, badan kawal selia, penguatkuasa undang-undang dan pihak berkuasa kerajaan, serta mana-mana pihak lain jika perlu.

6. Langkah Keselamatan

Kami mengambil langkah untuk melindungi data peribadi anda dengan membuat perjanjian dengan rakan kongsi yang memproses data peribadi anda, melatih pekerja kami tentang perlindungan data dan melaksanakan kawalan keselamatan yang sesuai pada sistem IT kami.

7. Tempoh Penyimpanan

Data peribadi anda akan dimusnahkan dan/atau dipadamkan daripada rekod dan sistem kami mengikut dasar pengekalan kami sekiranya data tersebut tidak lagi diperlukan untuk tujuan tersebut berdasarkan undang-undang yang berkenaan.

8. Hak Anda

Anda mempunyai hak untuk mengakses dan membetulkan data peribadi anda pada bila-bila masa apabila terdapat ketidaktepatan dan/atau maklumat lapuk. Anda juga boleh menarik diri daripada menerima bahan promosi dan menarik balik persetujuan anda pada bila-bila masa. Untuk menggunakan hak anda, kunjungi mana-mana cawangan kami atau hubungi kami.

9. Hubungi Kami

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang cara kami mengendalikan data peribadi anda:

Hubungi kami di 016 333 1111

Emel kami privacy@celcomdigi.com

Alamat kami adalah No. 6, Persiaran Barat, Seksyen 52, 46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan